A

Fu Yik Teck lwn Chai Sou Lan dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO 12B-08–07 TAHUN 2015
HASSAN ABDUL GHANI PK
31 MAC 2016

C *Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti dan tuntutan ganti rugi — Kemalangan berlaku antara perayu dan responden — Perayu memfailkan tindakan ke atas responden di atas kecuaian responden dan menuntut ganti rugi am dan khas — Hakim mahkamah sesyen ('HMS') menolak tuntutan perayu dan mendapati perayu bertanggungan 100% — HMS membenarkan sejumlah*
D *award ganti rugi am dan khas kepada perayu — Sama ada HMS khilaf apabila membuat dapatan bahawa perayu bertanggungan 100% — Sama ada HMS gagal membuat penilaian terperinci terhadap keterangan material — Sama ada HMS gagal membuat penilaian sewajarnya terhadap kredibiliti saksi — Sama ada HMS khilaf dalam isu kuantum bagi ganti rugi am dan khas*

E

Kemalangan telah berlaku di antara motosikal yang ditunggang oleh perayu dan responden pertama, akibatnya, perayu telah memfailkan tindakan ke atas responden-responden di atas kecuaian responden-responden dan telah memohon ganti rugi khas dan am. Mahkamah sesyen telah menolak tuntutan
F perayu dan mendapati perayu bertanggungan 100% di dalam kemalangan tersebut. Mahkamah sesyen juga telah membenarkan sejumlah award ganti rugi khas dan am diberikan kepada perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan terhadap kedua-dua isu liabiliti dan kuantum, manakala responden-responden pula telah memfailkan
G rayuan balas terhadap isu kuantum sahaja. Berdasarkan fakta kes, perayu mendakwa bahawa responden pertama telah memasuki laluan sahnya manakala responden pertama pula mengatakan perayu yang memasuki laluannya. Perayu juga mendakwa bahawa kemalangan berlaku di kawasan bertanda 'C' seperti yang ditunjukkan di dalam rajah kasar dan keterangan
H perayu ini disokong oleh keterangan pegawai penyiasat ('SP1'). Responden pertama pula menyatakan bahawa kemalangan berlaku di kawasan yang bertanda 'D' di dalam rajah kasar. Bagi isu kuantum, pihak-pihak mempertikaikan kuantum bagi ganti rugi khas iaitu bil perayu di hospital swasta iaitu di Hospital Sunway Medical Centre dan International Eye Entre
I ('bil-bil tersebut'); dan kos rawatan dan pembedahan masa hadapan. Bagi ganti rugi am pula, pihak-pihak mempersoalkan kuantum yang diberikan oleh mahkamah sesyen bagi 'loss of consciousness', 'loss of hearing', 'eye injury', 'fracture lateral and roof of left orbitral wall with periobital haematoma', 'muscle wasting' dan kehilangan bau.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu di atas isu liabiliti dan sebahagian kuantum dengan kos sebanyak RM1,500; mengenepikan keputusan hakim mahkamah sesyen di atas isu liabiliti; membenarkan rayuan balas responden terhadap sebahagian isu kuantum dengan kos sebanyak RM1,000:

(1) Dapatan hakim mahkamah sesyen ('HMS') bahawa tempat berlaku kemalangan ialah di 'D' adalah bertentangan dengan keterangan saksi bebas, SP1 bahawa 'point of impact' ialah di 'C' iaitu di tengah-tengah jalan. Malahan fakta tersebut di akui sendiri oleh kedua-dua pihak. HMS telah tersalah arah dan kegagalan HMS untuk menimbang keterangan yang penting tersebut telah mengakibatkan kegagalan keadilan kepada perayu. Mahkamah juga berasa ragu-ragu terhadap kredibiliti responden pertama memandangkan dia telah memberikan dua keterangan berbeza tentang tempat berlaku kemalangan. Berdasarkan fakta juga, responden pertama telah menunggang tanpa cermat, tanpa berhati-hati dan bertimbang rasa sehingga menyebabkan kemalangan. Secara keseluruhannya, HMS tidak membuat analisa yang mendalam dan terperinci terhadap keterangan material sebelum membuat dapatan fakta yang spesifik terhadap isu liabiliti. Beliau juga gagal membuat inferens yang betul dan penilaian yang sewajarnya terhadap kredibiliti dan kebolehpercayaan saksi. Oleh itu, terdapat alasan yang baik bagi mahkamah untuk mengganggu keputusan HMS. Bedasarkan dapatan di atas, perayu dan responden tertanggung cuai secara bersama iaitu 50–50 (lihat perenggan 35–37, 39, 43, 45, 53–54, 58 & 62).

(2) Berdasarkan laporan perubatan, perayu telah mengalami kecederaan yang serius yang melibatkan bahagian sensitif iaitu di kepala, muka, hidung dan tangan. Oleh itu perayu berhak untuk memilih dirawat di mana-mana hospital bagi mendapatkan rawatan yang cepat, selesa dan terbaik. HMS telah khilaf apabila hanya membenarkan award sebanyak RM4,347.91 bagi bil-bil tersebut. Memandangkan tuntutan perayu disokong oleh resit-resit dari kedua-dua hospital, maka jumlah sebanyak RM44,308.75 haruslah dibenarkan. Mahkamah menolak tuntutan untuk kos rawatan dan pembedahan masa depan memandangkan laporan terakhir Dr Yeoh Poh Hong, pakar orthopaedic responden tidak mencadangkan 'corrective osteotomy for a minor deformity' (lihat perenggan 82 & 84–85).

(3) Mahkamah membenarkan tuntutan perayu dan memberikan award sebanyak RM5,000 untuk item 'loss of consciousness' kerana ianya berpunca dari 'cerebral concussion'. Tuntutan perayu bagi kecederaan 'loss of hearing' pula ditolak kerana berdasarkan laporan perubatan terakhir, D23, tidak dinyatakan perayu mengalami 'loss of hearing'. Tambahan lagi, mengikut laporan perubatan D18, kehilangan pendengaran perayu adalah disebabkan oleh usia tua dan bukan berkait dengan kemalangan (lihat perenggan 87–88).

(4) Kedua-dua kecederaan 'eye injury' dan 'fracture lateral and roof of left orbitral wall with periobital haematoma' adalah berbeza. Mahkamah mendapati award sebanyak RM60,000 adalah terlalu tinggi bagi 'fracture lateral and roof of left orbitral wall', oleh itu, mahkamah mengurangkannya kepada award sebanyak RM20,000. Walau bagaimanapun, award sebanyak RM60,000 untuk kehilangan penglihatan sebanyak 80% adalah munasabah dan berpatutan bedasarkan Compendium of Personal Injury Awards, dikemaskini pada 17 April 2014. Seterusnya, mahkamah juga mendapati bahawa HMS tidak khilaf dalam memberi award untuk 'muscle wasting' sebanyak RM8,000 dan untuk kehilangan bau sebanyak RM40,000 (lihat perenggan 90–93).

[English summary

An accident occurred between a motorcycle ridden by the first appellant and the respondent resulting in the appellant filing an action against the respondents for the negligence of the respondents and seeking for special and general damages. The sessions court rejected the appellants' claim and found the appellant 100% liable for the accident. The sessions court also awarded special and general damages to the appellant. Dissatisfied with the decision, the appellant filed an appeal against both the issue of liability and quantum, while respondents also filed a cross-appeal on the issue of quantum only. Based on the facts of the case, the appellant claimed that the first respondent had entered the appellant's lane while according to the first respondent, it was the appellant who entered into his lane. The appellant also claimed that the accident occurred in the area marked as 'C' which was shown in the sketch and the appellant's evidence was corroborated by the investigating officer ('SP1'). The first respondent stated that the accident occurred in the area marked as 'D' in the sketch. On the issue of quantum, the parties disputed the quantum of damages namely the appellant's bill in private hospitals which was Sunway Hospital Medical Center and the International Eye Centre ('the bills'); and the cost of treatment and future surgery. For general damages, the parties disputed the quantum awarded by a sessions court for 'loss of consciousness', 'loss of hearing', 'eye injury', 'fracture lateral and roof of left orbitral wall with periobital haematoma', 'muscle wasting' and loss of sense of smell.

Held, allowing the appellant's appeal in part on issue of liability and quantum at cost of RM1,500; setting aside decision of sessions court judge's on issue of liability; allowing the respondent's cross-appeal on issue of quantum in part with costs of RM1,000:

(1) The findings of a sessions court judge ('SCJ') that the place of accident was at 'D' was contrary to the testimony of independent witnesses, SP1 that 'point of impact' was at 'C' which was in the middle of the road. This fact was admitted by both parties. The court had misdirected itself and

the SCJ's failure to consider the important evidence that occasioned a failure of justice to the appellant. The court also doubt the credibility of the first respondent as he gave two different explanations about the place of accident. Based on that fact, the first respondent rode carelessly, without care and without consideration, causing an accident. On the totality, the SCJ did not make a comprehensive and detailed analysis of material information before arriving at specific findings of fact on the issue of liability. He also failed to make the correct inference and proper assessment of the credibility and reliability of witnesses. Therefore, there was a good reason for the court to interfere with the decision of the SCJ. Based on the findings above, the appellant and the respondent were jointly negligent, namely 50–50 (see paras 35–37, 39, 43, 45, 53–54, 58 & 62).

(2) Based on the medical report, the appellant suffered a serious injury involving the sensitive area of the head, face, nose and hands. Therefore the appellant had the right to choose to be treated in any hospital for treatment that was fast, comfortable and best. The SCJ erred in only allowing an award of only RM4,347.91 for those bills. Given that the appellant's claim was supported by receipts from both hospitals, the sum of RM44,308.75 must be allowed. The court dismissed the claim for the cost of treatment and future surgery since the final report by Dr Yeoh Poh Hong, the respondent's orthopedic specialist, did not suggest 'corrective osteotomy for a minor deformity' (see paras 82 & 84–85).

(3) The court allowed the appellant's claim and awarded the sum of RM5,000 for the item of loss of consciousness because it stemmed from cerebral concussion. The appellant's claim for the injury of loss of hearing was rejected because, according to the last medical report, D23, it was not specified that the appellant suffered loss of hearing. Furthermore, according to the medical report D18, the appellant's loss of hearing was caused by old age and not related to the accident (see paras 87–88).

(4) Both the eye injury and 'fracture and roof of the left lateral wall orbitral with periobital hematoma injuries are different. The court found that the award of RM60,000 was too high for 'fracture of the left lateral and roof orbitral wall'. Therefore, the court reduced it to an award of RM20,000. However, the award of RM60,000 for loss of 80% of sight was reasonable and based on the Compendium of Personal Injury Awards revised at 17 April 2014. Furthermore, the court also found that the SCJ did not err in awarding RM8,000 for muscle wasting and RM40,000 for loss of sense of smell (see paras 90–93).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2294–2298.

Kes-kes yang dirujuk

A Perianayagam & Anor v Yeo Suan Tin & Anor [1984] 1 MLJ 214 (dirujuk)
Abdul Rahman v Soon Ah Hai [1978] 2 MLJ 31, MP (dirujuk)
Ahmad bin Haji Abdul Majid v Lee Yat Cheong & Others & Anor [1995] MLJU 250; [1995] 3 MLRH 219, MT (dirujuk)
Amamuthu a/l Suppiah v Mohamad Abu Hussin Civil Suit No 1109–85 (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)
Appalasamy a/l Bodoyah v Lee Mon Seng [1996] MLJU 30; [1996] 3 CLJ 71, MT (dirujuk)
Azmi bin Latif lwn Ang Seng Leong @ Ang Kim Pooi [2000] 7 MLJ 446, MT (dirujuk)
Baker v Market Harborough Industrial Cooperative Society Ltd [1953] 1 WLR 1472, MR (dirujuk)
Balakrishnan Kunjamboo Nair v Savastine Anthony Francis [1991] 2 CLJ Rep 327 (dirujuk)
Chong Kam Siong v Herman bin Baharuddin [1992] MLJU 40; [1995] 2 CLJ 413, MT (dirujuk)
Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor [1994] MLJU 190; [1994] 4 CLJ 537, MT (dirujuk)
Harcharan Singh a/l Saudagar Singh v Hassan bin Ariffin [1990] 2 CLJ 393 (dirujuk)
Kayat & Anor v Lim Yew Seng [1972] 1 MLJ 26 (dirujuk)
Khairul Amri bin Sabri & Anor v Mohd Sufi bin Saad & 2 Ors [2008] 1 PIR [65] (diikut)
Krishnan a/l Perumal & Anor Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan t/a Ismail bin Ent v Yang Cheng Choy & Anor [2010] MLJU 493; [2010] 1 LNS 436, MR (dirujuk)
Ku Jia Shiuen (an infant suing through her mother and next friend, Tay Pei Hoon) & Anor v Government of Malaysia & Ors [2013] 4 MLJ 108; [2013] 9 CLJ 489, MT (dirujuk)
Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein [1999] 5 MLJ 172, MT (dirujuk)
Lim Gaw Teong & Anor v Daniel & Anor [1968] 1 MLJ 277 (dirujuk)
Mariam binti Mansor v Jd Peter [1975] 1 MLJ 279 (dirujuk)
Mohamed Salleh bin Awang & Anor v Low Han Leong & Anor [1982] 1 MLJ 82, MP (diikut)
Multar v Lim Kim Chet & Anor [1982] 1 MLJ 184, MP (diikut)
Murugan v Lew Chu Cheong [1980] 2 MLJ 139, MP (dirujuk)
Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324; [1983] CLJ 300, MP (dirujuk)
Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan [2001] MLJU 291; [2001] 4 CLJ 202, MT (diikut)
Peter a/l Selvaraj v Cheng Bee Teik [2002] 4 MLJ 167, MT (dirujuk)
Samar binte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 2 MLJ 71, MP (dirujuk)

Sebanon Hassan & Anor v Ang Ka Kial & Anor & Others Case [1989] 2 CLJ Rep 435 (dirujuk)
Shah Effendy bin Ahmad v Zainal bin Abdullah & Anor [2011] 1 PIR 9250 (diikut)
Siti Rohani bte Mohd Shah & Ors v Haji Zainal bin Saifiee & Anor [2001] 5 MLJ 8, MT (dirujuk)
Sundharan a/l Ramasamy & Anor v Loo Soon Mook @ Loo Koon Lay & Anor [1994] MLJU 267; [1994] 3 CLJ 385, MT (dirujuk)
Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor [2001] 2 MLJ 275; [2001] 2 CLJ 101, MT (dirujuk)
Tabarani b Mohd Arsad & Anor v Chan Tenn Yeu [1999] MLJU 126; [1999] 3 CLJ 188, MT (diikut)
Tajuddin bin Sheikh Daud v Wong Kim Yin [1989] 2 CLJ 237 (dirujuk)
Tan Bok Eng v Lim Meng Kok [1988] 3 MLJ 63, MT (dirujuk)
Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah bt Nahrawi [2001] MLJU 380; [2002] 1 CLJ 309, MT (dirujuk)

M Gunalan (Ravi Moorthi Noriza Mala & Partners) bagi pihak perayu.
Nor Anizah bt Mukhtar (VP Nathan & Partners) bagi pihak responden-responden.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh plaintif yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim mahkamah sesyen menolak tuntutannya dengan kos kerana plaintif didapati bertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini.

[2] Untuk melengkapkan penghakiman, di atas liabiliti 100%, hakim mahkkamah sesyen telah mentaksirkan ganti rugi dan membenarkan sejumlah awad ganti rugi am dan ganti rugi khas diberikan kepada plaintif beserta dengan faedah dan kos.

[3] Plaintif dan defendan-defendan tidak bersetuju dengan sebahagian jumlah awad tersebut dan telah memfailkan rayuan dan rayuan balas di atas isu kuantum.

[4] Rayuan plaintif adalah terhadap isu liabliti dan kuantum manakala rayuan balas defendan adalah terhadap isu kuantum sahaja.

VERSI PLAINTIF DAN DEFENDAN

[5] Di dalam kes ini, kedua-dua pihak telah mengemukakan dua versi yang bertentangan berkait dengan kemalangan tersebut. Pihak plaintif mengatakan

defendan telah memasuki laluan sahnya manakala pihak defendan pula mengatakan plaintif yang memasuki laluannya.

FAKTA KES

[6] Plaintif ('SP2') adalah seorang tua yang telah berumur 72 tahun ketika kejadian manakala defendan kedua ('SD2') berumur 15 tahun dan masih merupakan seorang pelajar sekolah. SP2 mempunyai lesen menunggang motosikal manakala SD2 tidak memiliki lesen menunggang motosikal.

[7] Tuntutan plaintif ke atas defendan-defendan adalah berkait dengan satu kemalangan jalan raya yang berlaku pada jam lebih kurang 6.30 pagi, 4 Februari 2013 di Jalan Sungai Jan, Jerantut, Pahang melibatkan sebuah motosikal bernombor CAM299 yang ditunggang oleh SP2 dengan sebuah motosikal No CBB 1008 ditunggang oleh SD1. Plaintif kedua adalah pemilik motosikal No CAM 299.

[8] SP2 mengatakan mengikut rajah kasar, P24 dan P24K yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat ('SP1'), arah perjalanannya adalah dari Taman Mawar Murni menuju ke Bandar Jerantut iaitu dari atas ke bawah manakala laluan SD1 ialah dari arah bertentangan iaitu dari bawah ke atas.

[9] Menurut SP2, pada pagi tersebut beliau dalam perjalanan dari rumahnya di Taman Mawar Murni menuju ke Sungai Jan, Jerantut untuk bersarapan pagi. Apabila sampai di satu kawasan perumahan, beliau melihat ada sebuah kereta yang diletakkan di tepi jalan dipercayai sedang menjual makanan pagi dan dikerumuni oleh lapan hingga sepuluh orang yang ingin membeli makanan.

[10] SP2 menandakan kedudukan kereta itu sebagai 'Y' di dalam rajah kasar. Selepas itu, SP2 mengatakan, secara tiba-tiba motosikal yang ditunggang oleh SD1 dengan laju dari arah bertentangan mengelak orang ramai tersebut dan telah masuk kelaluan sahnya. Sebelum kemalangan SP2 mengatakan beliau menunggang motosikalnya di 'X'.

[11] Oleh sebab terlalu dekat, SP2 terkejut lalu cuba membrek dan mengelak ke kanan tetapi motosikal SD1 telah melanggar sebelah kiri motosikal SP2. Selepas perlanggaran, SP2 tidak dapat mengawal motosikalnya lalu terbabas ke sebelah kanan jalan. Beliau telah membuat laporan polis, P26 berkait dengan kemalangan tersebut.

[12] SP1 mengatakan pada 4 Februari 2013 jam lebih kurang 8.05 pagi, beliau telah menyiasat kemalangan ini dan mengesahkan ia berlaku di jalan kawasan perumahan Sungai Jan, Jerantut di hadapan Tokong Cina.

[13] SP1 mengatakan, keadaan jalan di tempat kejadian tidak ada pembahagi jalan, jalannya sempit dan tidak ada sebarang tanda had laju. Menurutnya, di kawasan perumahan, had laju adalah 30–40 km/j. A

[14] SP1 mengatakan mengikut rajah kasar, kesan 'C' adalah dipercayai kesan geseran atau calar akibat kemalangan kedua-dua motosikal tersebut. Menurutnya, kesan ini berada hampir-hampir di tengah jalan dan ianya dipercayai sebagai lokasi pertembungan atau 'point of impact' kemalangan tersebut. Kesan 'D' pula ialah kesan serpihan atau tumpahan minyak yang merupakan kesan selepas kemalangan, disebabkan oleh kedua-dua motosikal tersebut jatuh selepas bertembung. B C

[15] SP1 juga mengatakan oleh kerana jalan ini sempit, tidak ada pembahagi jalan dan kemalangan tersebut berlaku di 'C' iaitu di tengah-tengah jalan, tidak ada sesiapa dituduh di dalam kemalangan ini. D

[16] SD1 mengesahkan keterangan SP1 dan SP2 berkait dengan arah perjalanannya iaitu dari bawah ke atas rajah kasar. SD1 mengatakan, pada hari kejadian, beliau di dalam perjalanan balik ke rumahnya setelah membeli kuih untuk sarapan pagi. Menurutnya, kemalangan ini berlaku apabila SP2 telah menceroboh laluannya yang sah. SD1 mengatakan, sebelum kemalangan beliau menunggang motosikal di laluannya yang sah yang ditandakan sebagai 'L' di dalam rajah kasar. E

[17] Walaupun mengalami kecederaan yang kecil, SD1 hanya membuat laporan polis, D27 pada 6 Mac 2013 iaitu lebih kurang satu bulan selepas berlaku kemalangan. F

[18] Di dalam laporan polisnya, SD1 mengatakan kemalangan itu berlaku apabila motosikal SP2 dari arah hadapan masuk kelaluannya untuk masuk ke simpang tiga perumahan Sungai Jan. G

[19] Walau bagaimanapun, di peringkat pemeriksaan balas, SD1 mengesahkan kemalangan tersebut bukan berlaku di simpang tersebut tetapi di hadapan tokong Cina. H

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

[20] Hakim mahkamah sesyen di *para* 22 penghakimannya di ms 21–24 rekod rayuan ('KM18') memutuskan di atas imbangan kebarangkalian, berdasarkan kepada keterangan-keterangan seperti rajah kasar dan kunci, gambar-gambar, laporan-laporan polis P26 dan D27, keterangan plaintif, defendan dan pegawai penyiasat, versi keterangan SD1 adalah lebih 'probable' berdasarkan alasan-alasan berikut: I

(a) keterangan SD1 disokong oleh keterangan SP1 serta kesan-kesan di tempat kemalangan yang menunjukkan SP1 telah menceroboh laluan sah defendan. P24 dan P24K jelas menunjukkan motosikal yang ditunggang oleh SP1 telah memasuki laluan SD1. Gambar-gambar di tempat kemalangan, P25 A-K serta kerosakan-kerosakan pada kedua-dua kenderaan boleh dibuat inferen motosikal SP1 telah memasuki laluan bertentangan. Kesan pecahan komponen kenderaan serta tumpahan minyak yang ditanda 'D' di dalam P24, P24K menunjukkan ia berada di laluan sah SD1;

(b) jika dilihat pada kerosakan-kerosakan kenderaan didapati motosikal plaintif rosak pada bahagian tengah sebelah kiri sedangkan motosikal defendan rosak pada bahagian hadapan. Inferens boleh dibuat dimana keadaan ini menunjukkan motosikal SP2 telah masuk ke laluan SD1 dalam keadaan melintang dan menghalang laluan sah SD1 yang menyebabkan ia dirempuh oleh motosikal SD1. Keadaan ini selari dengan kecederaan yang dialami oleh SP1 pada sebelah kiri; dan

(c) tidak ada secebis keterangan yang menunjukkan wujudnya kenderaan yang menjual kuih di bahu jalan.

[21] Untuk menyokong penghakimannya di *para* (i) hakim mahkamah sesyen telah merujuk kepada kes *Ahmad bin Haji Abdul Majid v Lee Yat Cheong & Others & Anor* [1995] MLJU 250; [1995] 3 MLRH 219 dan *Lim Gaw Teong & Anor v Daniel & Anor* [1968] 1 MLJ 277 berkait dengan inferens yang boleh dibuat oleh mahkamah berasaskan kepada kesan-kesan kemalangan yang terdapat di atas jalan raya.

[22] Bersandarkan kepada penemuan fakta tersebut di atas, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan pihak plaintif bertanggung cuai sepenuhnya, 100% di dalam kemalangan ini dan tidak ada sumbang cuai oleh pihak defendan. Oleh yang demikian tuntutan plaintif telah ditolak dengan kos.

MEMORANDUM RAYUAN DAN MEMORANDUM RAYUAN TAMBAHAN PLAINTIF — ISU LIABILITI

[23] Di dalam memorandum rayuan plaintif di ms 9–18 rekod rayuan ('KM5') dan memorandum rayuan tambahan plaintif di ms 9–13 rekod rayuan ('KM18'), plaintif telah mengemukakan sebanyak 44 alasan rayuan kenapa mereka tidak bersetuju dengan dapatan hakim mahkamah sesyen di atas isu liabiliti. Walaupun begitu mahkamah berpendapat alasan-alasan atau isu-isu rayuan yang material di dalam memorandum-memorandum tersebut adalah berkisar kepada kekhilafan hakim mahkamah sesyen dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal:

(a) memberikan beban kecuaian ke atas responden berasaskan keterangan saksi-saksi;

(b) menggunakan pendekatan yang betul apabila berhadapan dengan dua versi yang bercanggah;

(c) memberi pertimbangan yang kemalangan berlaku di tengah jalan;

(d) memberi pertimbangan keterangan pegawai penyiasat dan pengakuan kedua-dua perayu dan responden yang kemalangan berlaku di tengah-tengah jalan;

(e) memberi pertimbangan akan 'demeanor' responden yang memberi keterangan yang bercanggah di dalam laporan polisnya;

(f) memberi pertimbangan yang kerosakan motosikal perayu di sebelah kiri lebih konsisten dengan versi perayu;

(g) memberi pertimbangan yang perbuatan responden yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengendahkan peraturan-perturan lalu lintas adalah punca kemalangan; dan

(h) memberi pertimbangan kepada responden yang menunggang dengan laju di laluan yang sempit.

PENGHUJAHAN PEGUAM PLAINTIF

[24] Peguam terpelajar plaintif berhujah hakim mahkamah sesyen langsung tidak memberi pertimbangan pada kesan 'C' yang terletak di tengah-tengah jalan. Menurut pegawai penyiasat, 'C' ialah kesan calar atau geseran yang merupakan poin pertembungan kedua-dua kenderaan tersebut.

[25] Beliau juga menyatakan hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila mengatakan kesan 'D' iaitu kesan serpihan dan tumpahan yang berada di atas jalan raya ialah tempat berlakunya kemalangan sedangkan menurut pegawai penyiasat kesan 'D' ialah kesan selepas berlakunya kemalangan dan bukannya tempat pertembungan kedua-dua motosikal.

[26] Seterusnya plaintif berhujah hakim mahkamah sesyen juga khilaf apabila memutuskan berdasarkan foto motosikal yang menunjukkan kerosakan motosikal plaintif di bahagian tengah sebelah kiri menunjukkan bahawa kemalangan berlaku semasa kedudukan motosikal sedang membelok ke kanan di simpang tiga Taman Perumahan Jan sedangkan ianya bertentangan dengan keterangan SP1, SP2, keterangan senyap dan yang paling material ialah ianya bercanggah dengan keterangan defendan sendiri.

[27] Peguam terpelajar plaintif berhujah, hakim mahkamah sesyen silap apabila mengatakan keterangan defendan adalah lebih 'probable' berbanding

plaintif sedangkan defendan memberikan dua versi yang berbeda di mana berlakunya tempat kejadian di dalam laporan polis, D27 dan semasa memberi keterangan. Sebaliknya keterangan plaintif adalah konsisten dengan laporan polisnya dan disokong oleh SP1 dan keterangan senyap berkait dengan tempat kejadian.

[28] Plaintif juga berhujah memandangkan kemalangan berlaku di tengah jalan, adalah tidak wajar, hakim mahkamah sesyen meletakkan beban kecuaian sepenuhnya ke atas plaintif.

DAPATAN MAHKAMAH — ISU LIABILITI

[29] Peguam terpelajar bagi pihak plaintif berhujah, di peringkat rayuan, mahkamah yang mendengar rayuan, boleh campurtangan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen walaupun beliau berkesempatan untuk melihat dan mendengar keterangan kesemua saksi, jika mahkamah rayuan dapati hakim mahkamah sesyen telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila mencapai sesuatu keputusan seperti yang telah di putuskannya. Beliau telah merujuk kepada kes *Ong Cheng Wah & Anor v Supramaniam a/l Arjunan* [2001] MLJU 291; [2001] 4 CLJ 202 di ms 203 yang menyatakan seperti yang berikut:

> The dissenting view in *Wong Thin Yit v Mohamad Ali* held that an appellate court is in good position as the trial judge to draw its own conclusion from the primary undisputed facts. It should not be assumed that the trial judge must necessarily be right just because he had seen and heard the witnesses. Even where the trial judge had been impressed by the demeanour of certain witnesses, the appellate court still has an obligation to scrutinise the evidence. The sessions judge had fundamentally misdirected himself and that warranted appellate intervention despite the trite view that findings of fact by the trial court should not generally be disturbed.

[30] Mahkamah bersetuju dengan nas duluan yang dirujuk di atas. Prinsip undang-undang yang sama juga terdapat di dalam kes-kes *Krishnan a/l Perumal & Anor Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan t/a Ismail bin Ent v Yang Cheng Choy & Anor* [2010] MLJU 493; [2010] 1 LNS 436, *Samar binte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 2 MLJ 71 dan *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein* [1999] 5 MLJ 172.

[31] Di dalam kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein* [1999] 5 MLJ 172, misalnya, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> It is a basic principle of law that an appellate court should be slow in disturbing a finding of fact by a lower court. But it is also the principle that an appellate court should reverse a finding of fact by the lower court if such finding is clearly against the weight of evidence.

[32] Untuk mengelakkan pengulangan penganalisaan isu-isu di dalam memorandum rayuan dan memorandum rayuan tambahan, mahkamah akan menganalisa kesemua isu tersebut secara bersama di atas alasan rayuan yang utama iaitu hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal memberikan atau meletakkan atau membahagikan beban kecuaian ke atas responden/defendan berasaskan kepada keterangan saksi-saksi dan keterangan senyap.

[33] Mahkamah bersetuju dengan dapatan fakta oleh hakim mahkamah sesyen, bahawa kedua-dua pihak telah memberikan keterangan yang bertentangan, di mana kedua-dua pihak masing-masing menyalahkan di antara satu sama lain. SP2 mengatakan SD1 yang memasuki laluannya manakala SD1 pula mengatakan SP2 yang telah memasuki laluan sahnya. Mahkamah juga bersetuju dengan nas-nas yang dirujuk oleh hakim mahkamah sesyen iaitu *Tabarani b Mohd Arsad & Anor v Chan Tenn Yeu* [1999] MLJU 126; [1999] 3 CLJ 188, *Mohamed Salleh bin Awang & Anor v Low Han Leong & Anor* [1982] 1 MLJ 82, yang memutuskan bahawa di dalam keadaan seperti itu, mahkamah harus menentukan versi manakah yang 'inherently probable' atau 'inherently improbable'.

[34] Di dalam kes *Tabarani b Mohd Arsad & Anor*, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Held (1) The trial court erred when it approached the case solely on the basis of deciding which version of the parties was to be believed. When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was to consider which version was inherently probable or improbable.

[35] Mahkamah berpendapat, dapatan hakim mahkamah sesyen bahawa plaintif bertanggung cuai 100% di dalam kemalangan ini secara nyatanya bertentangan dengan keterangan yang ada di hadapan mahkamah. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan dapatan tersebut kerana mahkamah berpendapat keputusan, fakta atau penemuan fakta adalah berdasarkan inferens yang dibuat dari fakta lain, dan bukannya, berdasarkan keterangan dan kebolehpercayaan saksi-saksi. Inferens yang dibuat juga bukan berdasarkan kepada keterangan yang tidak dipertikaikan dan tidak konsisten dengan keterangan tersebut, *Siti Rohani bte Mohd Shah & Ors v Haji Zainal bin Saifiee & Anor* [2001] 5 MLJ 8. Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa kedua-dua pihak tertanggung cuai secara bersama iaitu 50–50 berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan fakta yang akan mahkamah huraikan selanjutnya.

[36] Mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen langsung tidak memberi pertimbangan kepada fakta bahawa bahawa poin pertembungan iaitu 'point of impact' yang menunjukkan tempat bermulanya berlaku kemalangan

adalah di 'C' di dalam rajah kasar seperti yang disahkan oleh saksi bebas, iaitu pegawai penyiasat, SP1 sebelum beliau memutuskan keterangan defendan adalah lebih 'probable' berbanding dengan keterangan plaintif. Dapatan hakim mahkamah sesyen bahawa tempat berlaku kemalangan ialah di 'D' di dalam rajah kasar iaitu di laluan defendan adalah jelas bertentangan dengan keterangan SP1 bahawa 'point of impact' ialah di 'C' berdasarkan kepada kesan calar atau kesan goresan yang terdapat di atas jalan raya yang membuktikan poin itu adalah lokasi bermulanya berlaku kemalangan tersebut. Bersandarkan kepada tandaan 'C' adalah jelas bahawa ianya terletak di tengah-tengah jalan laluan kedua-dua pihak. Mungkin benar, seperti yang dihujahkan oleh peguam terpelajar defendan-defendan, mengikut keterangan SP1, semasa pemeriksaan balas bahawa tanda 'C' lebih sedikit ke arah laluan sah SD1 tetapi memandangkan tidak ada keterangan yang konkrit dari SP1 sejauh mana maksud lebih sedikit tersebut, keterangan SP1 berkait dengan fakta bahawa kemalangan itu berlaku di tengah jalan kekal tidak tercabar. Tambahan pula fakta yang tidak dipertikaikan oleh defendan, jalan ini adalah jalan yang sempit dan tidak ada pembahagi jalan seperti yang telah dikemukakan oleh SP1.

[37] Berasaskan kepada kesan 'C', adalah jelas bahawa kedua-dua motosikal tersebut telah menunggang di tengah-tengah jalan sebelum berlaku kemalangan. Bahkan fakta ini diakui sendiri oleh SP2 dan SD1 yang mengatakan sebelum kemalangan, mereka menunggang motosikal di 'X' dan 'L' iaitu menghampiri tengah jalan.

[38] Di dalam kes *Samar bte Mansor* His Royal Highness Raja Azlan Shah FCJ (pada masa itu) di ms 72 memutuskan seperti yang berikut:

> For an appellant to succeed in an appeal against a finding of fact made by a single judge, he must convince the appellate court that the learned judge was wrong in his conclusion.
>
> The question is not whether an appellate court can substitute its view of the facts which of course it is empowered to do so, but whether it should do so. However much an appellate court may be in an equal position with the trial judge as to the drawing of inferences, it ought not to reverse the finding of fact unless it is convinced that it is wrong. It is not whether the inferences are right but whether an appellate court is convinced that they are wrong.

[39] Setelah meneliti rekod rayuan dan penghujahan bertulis peguam terpelajar bagi pihak plaintif, mahkamah yakin bahawa hakim mahkamah sesyen telah silap di dalam dapatannya apabila gagal untuk mempertimbangkan kesan 'C' di dalam penghakimannya kerana kesan 'C' yang terletak di tengah-tengah jalan adalah merupakan poin pertembungan yang membuktikan di mana bermulanya berlaku kemalangan tersebut. Adalah jelas bahawa hakim mahkamah sesyen tidak menyentuh langsung kesan 'C' di dalam penghakimannya. Mahkamah berpendapat jika hakim mahkamah

sesyen telah dengan sewajarnya mempertimbangkan kedudukan atau lokasi kesan 'C' ini sebelum membuat keputusan, mahkamah pasti beliau tidak akan meletakkan keseluruhan kecuaian tersebut kepada pihak plaintif sahaja.

[40] Mahkamah berpendapat jika hakim mahkamah sesyen tidak bersetuju kesan 'C' merupakan kesan pertembungan maka beliau harus menyatakannya dengan jelas di dalam penghakimannya kenapa beliau tidak bersetuju dengan keterangan SP1 yang mengatakan kesan 'C' adalah point of impact. Oleh kerana tidak ada keterangan yang bertentangan, maka keterangan yang tidak dipertikaikan ini haruslah diterima oleh mahkamah. Tambahan pula pihak defendan tidak memberi sebarang keterangan untuk mempertikaikan keterangan ini, *Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor* [1994] MLJU 190; [1994] 4 CLJ 537 di ms 538 dan *Kayat & Anor v Lim Yew Seng* [1972] 1 MLJ 26.

[41] Nas-nas duluan menunjukkan bahawa kesan-kesan calar atau kesan goresan telah diterima sebagai tempat bermulanya berlaku kemalangan. Di dalam kes *Murugan v Lew Chu Cheong* [1980] 2 MLJ 139 di ms 140, mahkamah mengatakan 'A long scratch mark led to it. It commenced at a point on the centre of the other half of the road, just outside the entrance to the side-road. The collision was obviously at or just before the beginning of this scratch-line'.

[42] Di dalam kes *Balakrishnan Kunjamboo Nair v Savastine Anthony Francis* [1991] 2 CLJ Rep 327 di ms 329, Abdul Malik Ishak J mengatakan 'the sketch plan clearly indicates that the scratch mark 'HI' which was forty-six feet long was entirely on the first defendant's side of the road and this only confirms that the accident must have taken place on the first defendant's side'.

[43] Mahkamah berpendapat kesan 'C' di dalam rajah kasar telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa kemalangan tersebut telah berlaku di tengah jalan. Ianya berada begitu hampir dan berdekatan dengan laluan sah plaintif dan ia juga berada begitu hampir dan berdekatan dengan laluan sah defendan. Kesan 'C' iaitu kesan goresan atau kesan calar ini tidak menunjukkan ia berada sepenuhnya atau sebahagian besarnya di laluan sah defendan untuk mahkamah membuat penemuan fakta yang prima facie bahawa, plaintif telah menceroboh laluan sah defendan, menghalangnya dan menyebabkan kemalangan tersebut. Kegagalan hakim mahkamah sesyen untuk menimbang keterangan yang penting ini telah mengakibatkan kegagalan keadilan kepada plaintif.

[44] Di dalam kes *Peter a/l Selvaraj v Cheng Bee Teik* [2002] 4 MLJ 167 di ms 168 mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

Held:

A [2] The learned sessions court judge erred when she failed to give due weight to the mark 'I' on the sketch denoted as 'kesan tayar'. The investigating officer testified that this was not a brake mark but a mark caused by the tyre after it had punctured. The first defendant testified that when he began his journey, all his tyres were in good condition. There was evidence of an impact to the tyre ad the tyre had been
B punctured. The photograph showed the drag mark of the van due to the punctured tyre, for a distance of 8.4m. The court was satisfied that the impact between the motorcycles and the van was at point 'I' which was clearly into the first defendant's path. The failure of the learned sessions court judge to consider this vital piece of evidence had resulted in miscarriage of justice to the defendants.

C

[45] Berasaskan kepada kesan 'C' ini adalah berkemungkinan, bahkan telah diakui oleh kedua-dua pihak berdasarkan kepada tandaan 'X' dan 'L' di dalam rajah kasar bahawa SP2 dan SD1 telah menunggang motosikal mereka di tengah-tengah jalan sebelum berlakunya kemalangan berdekatan dengan
D laluan sah masing-masing.

[46] Nas-nas duluan memutuskan jika kemalangan berlaku di tengah-tengah jalan, maka kedua-dua pihak iaitu plaintif dan defendan harus menanggung liabiliti bersama iaitu 50–50. Di dalam kes *Sebanon Hassan & Anor v Ang Ka Kial & Anor & Others Case* [1989] 2 CLJ Rep 435 mahkamah
E memutuskan seperti yang berikut:

Held:

F [1] The first defendant was 50% liable for the accident. From the evidence, it could be inferred that the collision took place in the middle of the road. Thus, there was a presumption that both drivers were negligent.

[47] Di dalam kes *Tan Bok Eng v Lim Meng Kok* [1988] 3 MLJ 63 YA hakim
G telah merujuk kepada kes *Baker v Market Harborough Industrial Cooperative Society Ltd* [1953] 1 WLR 1472 dimana faktanya menunjukkan 'a collision between two vehicles proceeding in opposite directions at or near the centre of the road during the hour of darkness. The Court of Appeal in England held that in the absence of any evidence to the contrary, the inference was that both
H drivers were equally to blame for the accident'.

[48] Di dalam kes *Sundharan a/l Ramasamy & Anor v Loo Soon Mook @ Loo Koon Lay & Anor* [1994] MLJU 267; [1994] 3 CLJ 385, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

I Held:

[1] On the available evidence and on the balance of probabilities, the frontal collision at the centre white line of the road could not have occurred but for want of care on the part of both the first plaintiff rider and the first defendant driver.

[2] The first plaintif rider and the first defence driver were equally liable in negligence for the accident.

[49] Berbalik kepada fakta kes di hadapan mahkamah, sungguhpun ianya berlaku pada waktu siang, tetapi disebabkan oleh keadaan jalan yang sempit dan tidak ada pembahagi jalan, mahkamah berpendapat faktor ini menyebabkan sukar bagi pihak-pihak untuk memastikan hak laluan mereka yang sah. Oleh sebab itu SD1 telah menunggang motosikalnya menghampiri laluan plaintif manakala SP2 pula menunggang motosikalnya menghampiri laluan defendan dan akhirnya menyebabkan berlaku kemalangan di 'C'. Di dalam keadaan seperti ini dan bersandarkan kepada nas-nas duluan yang telah mahkamah kemukakan di atas, adalah diluar pertimbangan mahkamah untuk menyatakan berdasarkan fakta tersebut, dapatan mahkamah ialah tidak ada sumbangan cuai oleh pihak defendan di dalam kemalangan ini.

[50] Di dalam kes *Abdul Rahman v Soon Ah Hai* [1978] 2 MLJ 31 (FC), mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

Held: allowing the appeal: in the light of the evidence it was inconceivable how there could be acceptance of the respondent's version of the accident. The sketch plan showed the impact to be very near the centre of the road. In the circumstances the appellant and the respondent were equally to be blamed and the liability of the appellant should be 50%.

[51] Mahkamah juga berpendapat hakim mahkamah sesyen telah silap apabila mengatakan keterangan kes defendan bahawa plaintif telah menceroboh laluannya adalah lebih 'probable' berbanding keterangan plaintif tanpa memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap keterangan SP1 di mana SP1 mengatakan hasil siasatannya beliau tidak dapat menyatakan siapakah yang sebenarnya bersalah di dalam kemalangan ini dan kes ini telah di rujuk kepada majistret ('RTM'). Tambahan pula di dalam kes ini, SP1 mengatakan pihak-pihak saling mendakwa mereka berada di laluan sah masing-masing sebelum berlaku kemalangan.

[52] Di dalam kes ini mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta bahawa defendan hanya membuat laporan polis sebulan selepas kemalangan iaitu pada 6 Mac 2013 sedangkan tarikh kemalangan ialah pada 4 Februari 2013 walaupun beliau hanya mengalami kecederaan yang kecil seperti yang diakui di dalam laporan polisnya tanpa memberi sebarang penjelasan yang munasabah. Di dalam kes *A Perianayagam & Anor v Yeo Suan Tin & Anor* [1984] 1 MLJ 214 di ms 215 YA hakim mengatakan seperti yang berikut:

From his own silent admission in his police report at AB 12, PW2 was hospitalized for one week but it was only on 4 November 1972 that he lodged his report, ie two weeks after he was discharged from hospital and more than three weeks after the

accident. No reason was given for this delay but in cases of this nature, such delay has the effect of making victim like PW2 wiser after the event and he is liable to manufacture facts to hide the true state of affairs.

[53] Mahkamah berpendapat setelah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh SD1 semasa perbicaraan, mahkamah merasa ragu-ragu dengan kredibiliti saksi ini memandangkan beliau telah memberikan dua keterangan yang berbeda berkait dengan tempat berlaku kemalangan yang jelas menunjukkan keterangannya adalah satu pemikiran semula untuk mengelakkan liabilitinya terhadap kemalangan tersebut.

[54] Mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila tidak menilai kredibiliti SD1 dengan teliti memandangkan beliau telah memberi keterangan yang berbeza mengenai tempat kejadian. Di dalam laporan polisnya, D27, SD1 mengatakan kemalangan itu berlaku di simpang tiga perumahan Sungai Jan apabila dengan tiba-tiba motosikal plaintif dari arah hadapan masuk kelaluannya. Tetapi di mahkamah beliau mengatakan kemalangan berlaku di depan tokong dan bukan di hadapan simpang kerana ia belum sampai di simpang. Ketika disoal balas oleh peguam terpelajar plaintif, SD1 mengakui semasa kemalangan, motosikal yang ditunggang oleh SP1 tidak memasuki simpang. Anehnya di sini ialah jika motosikal plaintif tidak pernah pada bila-bila masa telah masuk ke simpang seperti yang diakui sendiri oleh SD1, bagaimana hakim mahkamah sesyen boleh membuat inferen dan menyatakan di dalam penghakimannya bahawa, keterangan kes defendan adalah 'probable' berdasarkan kepada kerosakan motosikal plaintif di bahagian tengah sebelah kiri yang menunjukkan bahawa motosikal plaintif telah membelok ke kanan, memasuki laluan defendan dan menghalangnya. Adalah jelas bahawa hakim mahkamah sesyen telah tidak memberi pertimbangan yang wajar terhadap keterangan lisan SP1 dan keterangan senyap iaitu 'C' di dalam rajah kasar. Adalah juga nyata bahawa beliau telah tidak mempertimbangkan dengan sewajarnya keterangan SP2 yang disokong oleh keterangan SP1 bahawa oleh kerana SD1 dengan tiba-tiba telah memasuki laluannya, beliau terpaksa mengelak ke kanan sedikit. SP1 mengesahkan berdasarkan kerosakan motosikal plaintif, pada masa itu keadaan motosikal SP2 berada di posisi di dalam keadaan menyerong sedikit. Semasa berada di posisi inilah, motosikal SP2 telah dilanggar oleh motosikal SD1 dan oleh sebab itu kerosakan motosikal plaintif berada di sebelah kiri dan juga plaintif mengalami kecederaan di sebelah kiri. Versi-versi yang berbeza ini jelas menunjukkan keterangan defendan adalah tidak 'probable'. Lihat *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor* [2001] 2 MLJ 275; [2001] 2 CLJ 101.

[55] Berkait dengan isu di mana berlakunya tempat kemalangan, mahkamah berpendapat keterangan plaintif adalah lebih 'probable'. Plaintif mengatakan tempat berlakunya kemalangan adalah di kawasan tempat

sembahyang. Ianya disokong oleh keterangan SP1 yang mengatakan tempat tersebut adalah tokong Cina dan kemudiannya disahkan oleh defendan semasa perbicaraan.

[56] Mahkamah berpendapat adalah jelas di dalam kes ini bahawa hakim mahkamah sesyen telah tersalah arah kerana memberi keutamaan kepada kesan-kesan kemalangan di 'D' iaitu kesan tumpahan minyak dan kesan serpihan sedangkan menurut keterangan SP1, kesan 'D' merupakan kesan selepas kemalangan iaitu selepas kedua-dua motosikal tersebut jatuh sedangkan kesan 'C' ialah tempat bermulanya berlaku kemalangan. Oleh itu dapatannya yang mengatakan, keterangan SD1 disokong oleh keterangan SP1 serta kesan-kesan yang terdapat di atas jalan raya di 'D' secara nyatanya bertentangan dengan keterangan SP1 dan keterangan senyap iaitu kesan 'C' yang merupakan poin pertembungan kedua-dua motosikal.

[57] SP1 mengesahkan di dalam siasatannya bahawa kesan-kesan serpihan dan tumpahan minyak di 'D' adalah tempat di mana kedua-dua motosikal tersebut jatuh selepas pertembungan dan bukan tempat bermulanya berlaku kemalangan. Selain itu SP1 juga menyatakan apabila beliau sampai ke tempat kejadian jam lebih kurang 8.05 pagi, kedudukan motosikal tersebut telah dialih dan berada di sebelah kiri jalan menghala ke Taman Mawar Murni (laluan defendan). Beliau juga tidak pasti berkait kesan tumpahan minyak dari motosikal siapa kerana hari hujan semasa beliau tiba di tempat kejadian.

[58] Justeru itu oleh kerana keputusan fakta hakim mahkamah sesyen adalah berdasarkan inferen yang dibuat di atas fakta 'D' iaitu kesan-kesan selepas kemalangan dan bukan 'C' iaitu kesan-kesan semasa bermulanya kemalangan, maka mahkamah berpendapat beliau telah tersalah arah semasa membuat penemuan fakta tersebut.

[59] Mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen juga telah khilaf apabila mengatakan menurut foto P25, inferens yang boleh dibuat ialah kemalangan tersebut berlaku di 'D'. Penemuan fakta ini adalah jelas bertentangan dengan keterangan SP1 yang mengatakan titik pertembungan ialah di 'C' dan SP1 tidak pernah pada bila-bila masa semasa memberikan keterangan, mengatakan kemalangan berlaku di 'D'. Pada pandangan mahkamah, foto-foto itu tidak membuktikan apa-apa, kecuali sekadar menunjukkan kedudukan serpihan dan tumpahan minyak selepas motosikal jatuh. Foto-foto kerosakan motosikal di sebelah kiri bahagian tengah bodinya pula tidak membuktikan plaintif telah membelok ke kanan dan telah memasuki laluan sah defendan kerana ia bertentangan dengan keterangan plaintif, keterangan saksi bebas, SP1 dan keterangan senyap iaitu kesan 'C' di dalam rajah kasar dan keterangan SD1 sendiri yang mengatakan SP2 tidak pernah membelok ke simpang tiga perumahan Sungai Jan.

[60] Pada pendapat mahkamah, hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila mengatakan di dalam kes ini tidak ada secebis keterangan pun yang membuktikan terdapat kenderaan orang yang menjual makanan di tempat kejadian. Mahkamah berpendapat keterangan plaintif mengenai isu ini adalah 'probable'. Hakim mahkamah sesyen jelas tidak memberi pertimbangan kepada keterangan SP2 berkait dengan kenderaan orang menjual kuih ini adalah konsisten dengan laporan polis yang dibuatnya. Hakim mahkamah sesyen juga tidak memberi pertimbangan kepada keterangan SD2 bahawa pada hari kejadian beliau juga di dalam perjalananan balik ke rumahnya setelah membeli kuih. Jika hakim mahkamah sesyen telah meneliti dan menghalusi keterangan ini, mahkamah percaya, sudah pasti beliau akan dapati keterangan plaintif adalah berkait dengan fakta ini adalah 'probable' iaitu memang terdapat orang yang menjual kuih di sebelah pagi berdekatan dengan jalan tersebut pada hari kejadian.

[61] Di dalam kes ini mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen telah gagal untuk mempertimbangkan dengan sewajarnya dakwaan plaintif bahawa, SD1 telah menunggang motosikalnya dengan laju sehingga menyebabkan kemalangan adalah berasas, berdasarkan kepada fakta pada hari kejadian. Ini kerana SD1 sendiri mengakui bahawa beliau bersekolah pada hari tersebut. Selepas membeli kuih, beliau harus pulang untuk sarapan pagi, mandi, menyalin pakaian, memakai *uniform* sekolah dan pergi ke sekolah yang bermula jam 7.30 pagi. Di dalam situasi sebegini, inferen boleh dibuat bahawa SD1 memang dalam keadaan tergesa-gesa pada hari kejadian untuk pergi ke sekolah. Selain itu kesan kerosakan yang teruk pada motosikal SP2 dan kecederaan teruk pada SP2, jelas membuktikan bahawa SD1 telah menunggang motosikal tersebut dengan laju sebelum kemalangan. Berasaskan kepada keadaan jalan yang sempit di tempat kejadian dan tidak ada pembahagi jalan, mahkamah berpendapat defendan telah menunggang tanpa cermat, tanpa berhati-hati dan bertimbang rasa sehingga menyebabkan kemalangan tersebut. Oleh itu hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila tidak mengambil kira kelajuan defendan sebelum membuat dapatannya di dalam kes ini.

[62] Berasaskan kepada fakta-fakta yang telah mahkamah analisakan dan pertimbangkan dengan sewajarnya seperti di atas, mahkamah memutuskan hakim mahkamah sesyen tidak membuat analisa yang mendalam dan terperinci berkait dengan keterangan yang material di hadapannya sebelum beliau membuat dapatan fakta yang spesifik terhadap isu liabliti. Mahkamah berpuas hati beliau telah tidak membuat inferens yang betul dan membuat penilaian yang sewajarnya terhadap kredibilti atau kebolehpercayaan saksi. Adalah jelas terdapat kekhilafan fakta dan undang-undang dan terdapat salah arah yang mewajarkan mahkamah untuk mengubah keputusan atau dapatan hakim mahkamah sesyen. Diakhir pertimbangan, terdapat alasan yang baik

untuk mahkamah menganggu keputusan hakim mahkamah sesyen. Oleh yang demikian mahkamah telah membenarkan rayuan plaintif terhadap isu liabiliti. Mahkamah ini memutuskan, plaintif dan defendan-defendan didapati secara bersama cuai di dalam kemalangan ini.

KUANTUM

[63] Seterusnya mahkamah akan mempertimbangkan rayuan plaintif dan rayuan balas defendan pertama terhadap isu kuantum.

[64] Di dalam menimbangkan isu kuantum di peringkat rayuan, mahkamah adalah terikat dengan perinsip undang-undang di dalam kes *Multar v Lim Kim Chet & Anor* [1982] 1 MLJ 184 yang memutuskan seperti yang berikut:

> In other words, the two situations in which an appellate court would be justified in interfering by reassessment of the damages would be where the trial judge has acted on a wrong principle or has made an entirely erroneous estimate of the damages.

[65] Mahkamah telah meneliti memorandum rayuan tambahan yang difailkan oleh peguam terpelajar plaintif (ms 16–17 rekod rayuan (KM5)) dan (ms 12–13 rekod rayuan (KM18)) yang mengatakan antara lain hakim mahkamah sesyen telah khilaf bila menolak tuntutan plaintif untuk bil hospital swasta, kos makanan berkhasiat, kos penjagaan, awad untuk 'cerebral concussion', awad untuk kehilangan pendengaran dan kegagalan untuk membenarkan awad untuk pembedahan masa hadapan, kesakitan serta kesengsaraan dan hanya membenarkan awad untuk 'malunited comminuted fracture distal end left radius' sebanyak RM16,000 sahaja.

[66] Walaubagaimanapun di dalam penghujahan bertulisnya di (KM20), peguam terpelajar plaintif tidak menyentuh langsung berkait dengan rayuannya terhadap makanan berkhasiat, kos penjagaan dan 'malunited comminuted fracture distal end left radius'. Oleh itu mahkamah menganggap plaintif tidak bercadang untuk meneruskan rayuan berkait dengan item-item tersebut.

[67] Defendan di dalam rayuan balasnya pula menyatakan awad untuk ganti rugi am amat berlebihan kerana terdapat pertindihan di mana mahkamah membenarkan RM60,000 untuk 'eye injury' dan RM60,000 untuk 'multiple fracture left frontal bone with depress fragment in left frontal status, malunited fracture left lateral and superior orbital wall' sedangkan kecederaan-kecederaan tersebut menurutnya melibatkan kecederaan pada mata sahaja.

[68] Peguam terpelajar defendan juga mengatakan hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila memberikan awad RM40,000 untuk kehilangan deria rasa dan awad berlebihan RM8,000 untuk *muscle wasting*.

[69] Awad untuk ganti rugi am, ganti rugi khas diberi kepada plaintif setelah mahkamah mengambil kira prinsip-prinsip undang-undang di dalam kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah atasan. Mengikut kes-kes tersebut di dalam sesuatu tuntutan kemalangan, jumlah awad yang diberikan seharusnya munasabah dan bersesuaian dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif. Tujuan utama sesuatu awad itu diberikan adalah untuk membolehkan seseorang plaintif menjalani kehidupan yang lebih sempurna setelah mengalami kecacatan akibat dari kemalangan tersebut. Tujuan awad bukanlah untuk memberi kekayaan atau kesenangan kepada plaintif.

[70] Di dalam kes *Mariam binti Mansor v Jd Peter* [1975] 1 MLJ 279 misalnya mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> ... in considering what compensation the court shall award, it is impossible to arrive an accurate figure, however, all the court can do is to award her a sum which would compensate her for pain and suffering she had undergone and will, in all probability, continue to undergo. I feel that the sum awarded should be a fair sum to compensate the plaintiff for the injuries suffered, but it should not be too excessive to constitute an injustice to the defendant. It is trite law that any claim for special damages must be specifically pleaded and strictly proved as opposed to general damages which is subject to assessment (see *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 at p 297 (FC)). In *Yeap Cheng Hock v Kajima-Taisei Joint Venture* [1973] 1 MLJ 230 at p 236 Syed Agil Barakbah J held:
>
> > The general principle is that plaintiff must be prepared to prove his special damages unless it has been agreed. It is not enough for him to write down the particulars and leave them for the court to decide. It is for him to prove them;

[71] Di dalam kes *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324; [1983] CLJ 300 mahkamah mengatakan:

> ... it must be borne in mind that damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate.

[72] Di dalam kes *Ku Jia Shiuen (an infant suing through her mother and next friend, Tay Pei Hoon) & Anor v Government of Malaysia & Ors* [2013] 4 MLJ 108; [2013] 9 CLJ 489 mahkamah memutuskan:

> It is settled law that damages in tort are not meant to be punitive; neither a reward. Damages are meant to be a form of compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act so far as money can compensate. It is not meant to enrich the injured party. Therefore, the compensation must by fair, reasonable and adequate but not excessive (*Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292. The aim is to put the injured party back as it were, as far as possible to his original position prior to the tortuous act which caused the damage (*Shanmugam a/l Gopal v Zinal Abidin bin Nazim & Anor* [2003] 3 MLJ 76; *Ong Ah Long v Dr S*

Underwood [1983] 2 MLJ 324 (FC)).

GANTI RUGI KHAS

Item (g) dan (h) — Bil Hospital Sunway Medical Centre dan bil International Eye Centre

[73] Berkait dengan bil hospital swasta iaitu Sunway Medical Centre ('SMC') dan International Eye Centre ('IEC') iaitu untuk item (g) dan (h), peguam terpelajar plaintif mengatakan hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila hanya membenarkan RM4,347.91 iaitu 1/3 dari RM13,434.91 sedangkan resit-resit dari SMC di muka surat 165-204 rekod rayuan Jld 2 menunjukkan jumlah kos rawatan ialah RM37,256.35 dan resit-resit dari IEC di dalam rekod rayuan Jld 2 ms 210–222 berjumlah RM7,052.40. Oleh itu jumlah keseluruhan tuntutan yang sepatutnya dibenarkan ialah RM44,308.75.

[74] Peguam terpelajar mengatakan plaintif berhak untuk mendapat rawatan dan perubatan di mana-mana hospital yang terbaik. Oleh itu perbelanjaan yang telah dikeluarkan olehnya haruslah dipampas sepenuhnya.

[75] Peguam terpelajar defendan pula mengatakan untuk kos SMC dan IEC sebanyak RM45,099.88, plaintif hanya layak RM13,043.73 sebab RM32,056.15 telah dibayar oleh Alex SS Fu. Beliau juga berhujah oleh sebab plaintif boleh mendapat rawatan ini di hospital kerajaan maka plaintif hanya layak mendapat 1/3 dari kos RM13,043.73 iaitu RM4,374.91 dan merujuk kes *Harcharan Singh a/l Saudagar Singh v Hassan bin Ariffin* [1990] 2 CLJ 393.

[76] Di dalam penghakimannya di ms 25 rekod rayuan (KM18) untuk item (g) dan (h), hakim mahkamah sesyen mengatakan hujahan dari peguam defendan mengenainya diterima sepenuhnya. Jumlah yang dibenarkan 1/3 daripada RM13,043.73 iaitu RM4,347.91 adalah wajar dan munasabah.

[77] Di dalam kes *Appalasamy a/l Bodoyah v Lee Mon Seng* [1996] MLJU 30; [1996] 3 CLJ 71 ms 72 Abdul Malik Ishak J memutuskan seperti yang berikut:

> [5] The victim of a tortiuous act is entitled to seek the best medical facility and the best medical opinion in order to put him back in his original position as tough the tort had not been committed. Thus, the plaintiff was awarded the sum of $132,000 as the cost of acquiring and maintaining an electronic artificial arm.

[78] Di dalam kes *Chong Kam Siong v Herman bin Baharuddin* [1992] MLJU 40; [1995] 2 CLJ 413 ms 414 isunya ialah sama ada plaintif berhak untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta iaitu di Hospital Singapura. YA

Hakim James Foong Cheng Yuen memutuskan seperti yang berikut:

> [2] The yardstick to determine whether a claimant was entitled to medical expenses expended by him in a private hospital of his choice rather than seeking treatment from a government hospital where it is practically free, is not whether the government hospital at that material time could or could not provide adequate care and attention to him. It is most unfair for this court to determine which hospital is more efficient. In the court's opinion any ordinary citizen of this country has a right to choose medical treatment for his injuries and illness from whoever and from wherever. The only limitations to his freedom are economic and availability factors. Accordingly, the plaintiff in this case is entitled to seek medical treatment other than a government hospital.
>
> [3] Because of the proximity and the linkage to Singapore, any person who suffers injuries as a result of a road accident in the State of Johor is not unreasonable in seeking medical treatment in Singapore. The hospitals in Singapore should be treated like any other private hospital in Malaysia and therefore if the patient has a choice to go to any other private hospital in Malaysia, similarly he should be entitled to seek treatment at a hospital in Singapore. Based on the aforesaid the plaintiff's claim for medical expenses amounting to RM43,037 is allowed.

[79] Dalam kes ini YA juga telah merujuk kepada kes-kes *Tajuddin bin Sheikh Daud v Wong Kim Yin* [1989] 2 CLJ 237 dan kes *Amamuthu a/l Suppiah v Mohamad Abu Hussin* (JB High Court Civil Suit No 1109–85) (tidak dilaporkan) di mana mahkamah telah membenarkan tuntutan perbelanjaan plaintif di hospital swasta.

[80] Keputusan kes *Chong Kam Siong* ini telah diikuti oleh YA hakim di dalam kes *Azmi bin Latif lwn Ang Seng Leong @ Ang Kim Pooi* [2000] 7 MLJ 446.

[81] Di dalam kes *Azmi* mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> Held, dismissing the appeal:
>
> (2) Based on the medical reports submitted, the SCJ found that the injuries of the plaintiff was severe and the plaintiff was not given treatment immediately at the government hospital. Therefore the action of the plaintiff in getting treatment at a private hospital was reasonable and for his best interest at that moment. In facing such circumstances it was reasonable for the SCJ to allow the plaintiff's claim.

[82] Berasaskan kepada laporan perubatan, plaintif di dalam kes ini juga telah mengalami kecederaan yang serius iaitu 'head injury with multiple intracranial bleed, multiple fractures left frontal bone with depress fragment in

the frontal sinus, malunited fracture left lateral and superior orbital wall, malunited fracture left zygomatic complex, loss of smell, eye injury, malunited fracture distal end left radius' dan lain-lain kecederaan kecil. Kenyataan yang tidak dapat dipertikaikan ialah kecederaan ini melibatkan bahagian yang *sensitive* iaitu kepala, muka, hidung dan tangan. Berasaskan kepada nas-nas di atas, mahkamah berpendapat plaintif berhak untuk memilih dirawat di mana-mana hospital bagi mendapatkan rawatan yang cepat, selesa dan terbaik.

[83] Di dalam kes ini keluarga plaintif yang mencadangkan beliau dirawat di hospital swasta. Mahkamah berpendapat dengan keadaan umurnya yang telah tua, kecederaan plaintif yang serius sudah pasti keluarganya akan berusaha untuk plaintif mendapatkan rawatan yang terbaik dan efisyen dan mahkamah pasti ia hanya boleh diperolehi di hospital pakar swasta. Hal ini boleh dilihat dengan jelas berdasarkan dokumen P5 iaitu laporan pakar perubatan Sunway Healthcare di ms 114 rekod rayuan Jld 2 ('KM6') di mana selepas sahaja plaintif dimasukkan ke Sunway Healthcare untuk pemeriksaan dan rawatan, seramai lima pakar dalam masa yang sama telah membuat pemeriksaan ke atasnya yang terdiri dari Consultant Neurosurgeon, Consultant Opthalogist, Consultant Orthopaedic Surgeon, Consultant Oral Maxillo Facial Surgeon dan Consultant Cardiologist. Berasaskan kepada faktor-faktor di atas mahkamah berpandangan jika plaintif berkemampuan untuk mengeluarkan perbelanjaan bagi mendapatkan rawatan tersebut, maka tidak ada sesiapa boleh menyekat haknya untuk mendapatkan rawatan yang terbaik. Kadang-kadang kita tidak boleh menafikan fakta bahawa faktor keyakinan terhadap keupayaan pakar-pakar di hospital juga mendorong pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta dan keyakinan inilah kadang-kadang menjadi salah satu faktor yang mempercepatkan sesuatu kecederaan itu sembuh.

[84] Berasaskan kepada faktor-faktor yang telah mahkamah huraikan, mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila hanya membenarkan awad sebanyak RM4,347.91 untuk item ini. Oleh kerana tuntutan plaintif disokong oleh resit-resit dari kedua-dua hospital swasta tersebut maka jumlah sebanyak RM44,308.75 haruslah dibenarkan.

Item k — Kos rawatan dan pembedahan masa hadapan

[85] Mahkamah telah menolak tuntutan untuk kos rawatan dan pembedahan masa hadapan oleh sebab laporan terakhir ('D22') oleh Dr Yeoh Poh Hong, pakar orthopaedic defendan tidak mencadangkan 'corrective osteotomy for a minor deformity'.

GANTI RUGI AM

[86] Untuk kecederaan *cerebral concussion*, hakim mahkamah sesyen telah tidak membenarkan tuntutan untuk kecederaan ini di atas alasan bahawa hujahan plaintif adalah berkait dengan *loss of consciousness*. Menurutnya ianya berbeza dengan cerebral concussion.

[87] Mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif dan memberikan awad sebanyak RM5,000 untuk item 'loss of consciousness' kerana ianya berpunca dari cerebral concussion. Di dalam kes *Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah bt Nahrawi* [2001] MLJU 380; [2002] 1 CLJ 309, mahkamah memutuskan:

> 1 Loss of consciousness (similar to cerebral concussion).

[88] Mahkamah telah menolak tuntutan plaintif untuk kecederaan 'loss of hearing and hearing aid' kerana mahkamah dapati mengikut D23 iaitu laporan perubatan terakhir, di bawah pendapat doktor, tidak dinyatakan plaintif mengalami 'loss of hearing'. Laporan perubatan, D18 mengatakan kehilangan pendengaran plaintif, adalah disebabkan oleh usia tua bukan berkait dengan kemalangan. Selain itu semasa menjawab soalan mahkamah, peguam plaintif bersetuju bahwa plaintif tidak memakai apa-apa alat bantuan pendengaran semasa memberikan keterangan di mahkamah di peringkat perbicaraan. Ini menunjukkan SP2 dapat mendengar soalan-soalan yang ditanya kepadanya semasa prosiding.

[89] Peguam terpelajar defendan di dalam rayuan balasnya berhujah, hakim mahkamah sesyen telah khilaf kerana memberikan dua awad berasingan untuk satu kecederaan mata. Menurutnya mahkamah sepatutnya memberikan satu awad sahaja dan jika dua awad diberikan ia tidak sepatutnya diberikan jumlah yang sama.

[90] Hakim mahkamah sesyen, di dalam penghakimannya telah memberikan dua awad iaitu untuk *eye injury* — RM60,000 dan untuk kecederaan 'fracture lateral and roof of left orbital wall with periobital haematoma' — RM60,000. Peguam terpelajar defendan mengatakan kedua-dua kecederaan ini adalah sama, bertindih kerana akibat *fracture lateral and roof of orbital wall* menyebabkan plaintif mengalami masalah penglihatan.

[91] Peguam terpelajar plaintif berhujah kedua-dua kecederaan ini adalah berasingan. *Eye injury* adalah untuk kehilangan penglihatan manakala *fracture lateral and roof of orbital wall* adalah untuk dua kepatahan di bahagian orbital. Menurutnya jumlah awad sebanyak RM60,000 untuk kehilangan penglihatan sebanyak 80% adalah munasabah dan berpatutan.

[92] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguam terpelajar plaintif bahawa kedua-dua kecederaan adalah berbeza. Mahkamah berpendapat seperti yang dipersetujui oleh peguam defendan awad sebanyak RM60,000 adalah terlalu tinggi untuk *fracture lateral and roof of orbital wall*. Mahkamah telah mengurangkannya dan memberikan awad sebanyak RM20,000 untuk kecederaan ini. Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat awad RM60,000 untuk kehilangan penglihatan sebanyak 80% adalah munasabah dan berpatutan berpandukan 'Compendium of Personal Injury Awards revised as at 17 April 2014' di mana bagi kecederaan 50–80% 'loss of vision in one eye' awardnya di antara 'low' RM27,500 hingga 'high' RM66,000 seperti yang dirujuk oleh hakim mahkamah sesyen.

[93] Berkait dengan muscle wasting dan kehilangan deria bau, peguam terpelajar defendan tidak menyentuh langsung isu awad untuk kecederaan ini di dalam penghujhahannya di KM23. Oleh yang demikian, mahkamah menganggap defendan telah mengabaikan rayuan balasnya untuk kecederaan ini. Walaubagaimanapun, mahkamah bersetuju hakim mahkamah sesyen tidak khilaf dalam memberi awad untuk 'muscle wasting' sebanyak RM8,000 berasaskan kes *Khairul Amri bin Sabri & Anor v Mohd Sufi bin Saad & 2 Ors* [2008] 1 PIR [65] dan untuk kehilangan bau, RM40,000 berasaskan kes *Shah Effendy bin Ahmad v Zainal bin Abdullah & Anor* [2011] 1 PIR 9250.

[94] Setelah meneliti penghujahan peguam terpelajar kedua-dua pihak, mahkamah ini juga telah meminda sebahagian kuantum yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen kepada plaintif.

KESIMPULAN

[95] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan plaintif di atas isu liabiliti dan sebahagian kuantum dengan kos sebanyak RM1,500. Keputusan hakim mahkamah sesyen di atas isu liabiliti diketepikan. Plaintif dan defendan tertanggung cuai secara bersama di dalam kemalangan ini iaitu 50–50. Mahkamah juga telah membenarkan rayuan balas defendan terhadap sebahagian isu kuantum dengan kos sebanyak RM1,000 seperti di atas.

Deposit dikembalikan kepada perayu-perayu.

Rayuan perayu di atas isu liabiliti dan sebahagian isu kuantum dibenarkan dengan kos sebanyak RM1,500; keputusan HMS di atas isu liabiliti diketepikan;

rayuan balas responden terhadap sebahagian isu kuantum dibenarkan dengan kos sebanyak RM1,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar